

TEKS UCAPAN
BRIG. JEN. DATO' PROF. DR. KAMARUDIN HUSSIN
NAIB CANSELOR
UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS
SEMPENA
PROGRAM SELANGKAH KE UNIVERSITI
PADA 1 JULAI 2010
DI DEWAN KULIAH PPK MEKATRONIK,
KAMPUS TETAP UniMAP, ULU PAUH, PERLIS.

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam
Satu Malaysia

****Salutation yang terkini akan disemak**

Yang Amat Berbahagia Puan Sri Datin Hajjah Noorainee Abdul
Rahman, Naib Yang DiPertua BAKTI

Yang Berbahagia Prof. Dr. Zul Azhar Zahid Jamal, Timbalan
Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UniMAP

Yang Berbahagia Prof. Dr. Sazali Yaacob, Timbalan Naib
Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UniMAP

Dekan-dekan dan Ketua-ketua Jabatan, kakitangan Universiti Malaysia Perlis

Serta para pelajar Program Selangkah ke Universiti yang saya dikasihi sekalian.

Selamat Petang, Good Evening, Wan Shang Hao, Maalai Vanakam, Ma Sa An Khair, Ra Thri Sawat.

Hadirin sekalian,

Bersyukur ke hadrat Allah S.W.T diatas limpahan rahmat daripadaNya, dapat kita bersama-sama berkumpul dan berkongsi ilmu dalam Program Selangkah ke Universiti anjuran Badan Amal dan Kebajikan Tenaga Isteri-Isteri (BAKTI) dengan kerjasama Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia dan Kementerian Pelajaran Malaysia. Jutaan terima kasih saya titipkan buat Naib Yang DiPertua BAKTI iaitu Yang Amat Berbahagia Puan Sri Datin Hajjah Noorainee Abdul Rahman diatas kesudian beliau hadir merasmikan program ini. Sesungguhnya, komitmen yang ditunjukkan oleh beliau amat kami hargai. Terima kasih.

Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Badan Amal dan Kebajikan Tenaga Isteri-Isteri (BAKTI) dengan kerjasama Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia dan Kementerian Pelajaran Malaysia kerana memilih Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) sebagai wakil universiti di negeri Perlis untuk merealisasikan program ini. Seperti yang kita

sedia maklum, program Selangkah ke Universiti ini telah dilancarkan oleh *Yang DiPertua BAKTI*, Yang Amat Bahagia Datin Paduka Seri Rosmah Mansor pada 6 April 2010 di Dewan Besar, Pusat Kebudayaan & Kesenian Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Universiti Putra Malaysia.

Program ini diadakan bagi memberi pendedahan kepada pelajar-pelajar tingkatan 4 pelbagai aliran dari sekolah menengah seluruh negeri Perlis yang berpotensi untuk mengetahui dengan lebih lanjut cara untuk menyambung pengajian mereka ke peringkat universiti. Program ini merupakan program sehari di mana pelajar akan dibawa melawat ke universiti dan menjalani proses penerapan dan pendedahan kampus yang bertujuan supaya mereka lebih mengenali kehidupan di universiti.

Hadirin sekalian,

Sebagai Naib Canselor UniMAP, saya berasa sangat gembira dan bangga kerana UniMAP berjaya menghimpunkan para pelajar dari sekolah menengah negeri Perlis untuk merasai suasana kampus UniMAP ini. Saya dimaklumkan bahawa anda telah dibawa melawat di sekitar kampus UniMAP. Saya pasti anda dapat melihat pelbagai peralatan pendidikan yang disediakan oleh pihak UniMAP kepada para pelajar kami.

UniMAP selaku IPTA ke-17 yang berfokuskan kepada bidang teknikal tidak pernah terlepas pandang akan peranan dan tanggungjawab dalam meningkatkan taraf sosial negara

khususnya di negeri Perlis. Justeru itu, UniMAP telah membina bilik bersih dan Kilang Mengajar atau Teaching Factory dimana peralatan-peralatan yang terdapat dalam Teaching Factory adalah sama dengan peralatan yang terdapat di industri. Oleh itu, secara tidak langsung para pelajar UniMAP telahpun mendapat pendedahan awal mengenai cara kerja di industri.

Untuk pengetahuan para hadirin, kebanyakan graduan kelahiran UniMAP yang diterima kerja oleh pihak industri dan syarikat multinasional menerima pujian kerana mereka adalah graduan sedia kerja yang tidak memerlukan latihan asas yang diperuntukkan oleh syarikat-syarikat tersebut untuk para pekerja baru mereka. Saya pasti ini kerana UniMAP menjanjikan hanya yang terbaik kepada para pelajar dan hasil keluaran UniMAP juga adalah yang terbaik untuk negara. Disini saya ingin berkongsi mengenai produk penghasilan UniMAP iaitu graduan UniMAP yang telahpun mendapat pekerjaan sebelum konvokesyen diadakan.

Bagi kohort pertama-2006 100% telah mendapat pekerjaan, Kohort kedua-2007 96.16%, Kohort ketiga-2008 88%, Kohort keempat – 2009 63% telahpun mendapat pekerjaan di syarikat-syarikat multinasional seperti SILTERRA, AMD, AVAGO, NATIONAL SEMICONDUCTOR, AGILENT dan banyak lagi. Selebihnya, adalah kerana mereka menyambung pengajian mereka keperingkat Sarjana atau PhD dan tidak kurang juga yang memilih untuk bekerja sendiri.

Hadirin sekalian,

Mengikut statistik yang dikeluarkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) mengenai enrolmen pelajar di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) iaitu IPTA, IPTS, KTAR, Politeknik dan Kolej Komuniti sehingga tahun 2009 ialah seramai 437,420 pelajar lelaki dan perempuan yang mendaftar di IPTA, 484,377 di IPTS, 25,179 di KTAR, 86,471 di Politeknik dan seramai 17,279 yang mendaftar di Kolej Komuniti dan menjadikan jumlah besar pelajar-pelajar yang bergelar mahasiswa dan mahasiswi ialah 1,050,726 berbanding pada tahun 2008 hanya 921,548 pelajar yang berada di IPT. Oleh itu peratus peningkatan bagi jumlah pelajar tersebut adalah 14.02 peratus.

Jika kita perhatikan pada tahun 2009 sahaja, jumlah pelajar yang mendaftar di IPT ialah 174,677 bagi lelaki manakala pelajar perempuan pula ialah seramai 206,659. Berbanding dengan jumlah pelajar yang mendaftar pada tahun 2008 iaitu bagi pelajar lelaki yang mendaftar di IPT ialah 162,977 manakala pelajar perempuan seramai 206,192. Kedua-dua data ini menunjukkan peningkatan jumlah pelajar yang mendaftar di IPT di Malaysia ini. Jika dilihat pada jumlah peningkatan tersebut maka tidak mustahil untuk setiap keluarga di Malaysia menempatkan diri dalam kelompok sebagai pelajar IPT. Tiada apa yang mustahil untuk dicapai tetapi hanya azam dan tekad sahaja yang akan membezakan di antara seseorang itu.

Sama seperti para pelajar sekalian, jika anda mempunyai azam dan tekad untuk menyambung pengajian ke peringkat universiti, saya yakin anda mampu menjadi antara pelajar IPT dan turut sama tersenarai dalam statistic KPT tersebut. Untuk pengetahuan para hadirin juga, selain jumlah kemasukan yang meningkat itu, pada tahun 2009 juga jumlah pelajar IPT yang bergraduat turut meningkat iaitu seramai 250,836 berbanding daripada tahun 2008 iaitu 211,532. Ini bermakna jumlah peratusan kenaikan jumlah pelajar yang bergraduat ialah 18.58 peratus. Pada saya, jumlah peningkatan itu cukup memberangsangkan dan ini merupakan satu kepastian bahawa sesiapa sahaja mampu bergelar graduan asalkan ada kemahuhan dan usaha itu tangga kejayaan. Oleh itu, saya berharap agar semua pelajar yang berada di hadapan saya ini akan menjadi graduan IPT dan kelak menjadi kebanggaan bukan sahaja ibu bapa malah guru dan seluruh masyarakat Negara ini. Amin.

Hadirin sekalian,

Atas rasa keprihatinan untuk merealisasikan kempen-kempen seperti "Satu Rumah Satu Graduan" dan "Satu Rumah Satu Professional" itulah maka kita telah melibatkan semua 26 sekolah menengah di negeri Perlis ini dimana setiap sekolah dimestikan menghantar seramai 8 orang pelajar pelbagai aliran dan keutamaan program ini diberikan kepada mereka

yang mana ahli keluarganya yang masih belum lagi berpeluang melanjutkan pelajaran ke peringkat universiti.

Kami berharap agar program ini mampu untuk membakar semangat para pelajar untuk berusaha mencapai keputusan peperiksaan yang terbaik dan berjaya menempatkan diri ke menara gading. Jika kita merancang untuk mengubah masa depan Negara kita menjadi Negara maju dan berdaya saing dengan Negara lain di dunia, kita harus sedar bahawa pendidikanlah yang akan menjadi pemandu arah bagi menyusuri jalan mencapai matlamat yang kita idamkan.

Saya yakin dengan penganjuran sebegini akan menghasilkan golongan yang akan membanggakan bukan sahaja kepada keluarga itu sendiri tetapi juga kepada bangsa dan negara. Hal ini kerana sasaran yang kita tetapkan iaitu mahu setiap keluarga di Malaysia sekurang-kurangnya mempunyai seorang ahli keluarga yang berjaya ke menara gading. Jika yang kita usahakan ini berjaya, ini sekaligus akan memberi semangat kepada ahli keluarga yang lain untuk bersaing dalam melahirkan golongan cerdik pandai.

Hadirin sekalian,

Pendidikan akan melahirkan golongan cerdik pandai yang akan membantu membasmikan segala kekurangan yang dihadapi oleh sesbuah Negara. Kempen-kempen seperti "Satu Rumah Satu Graduan" dan "Satu Rumah Satu Professional" seharusnya digerakkan oleh semua pihak pada masa

sekarang. Dan ia seharusnya menjadi satu perjuangan yang perlu diteruskan tanpa henti tambahan pula jika kita ingin melihat kekayaan dan kemakmuran Negara ini dapat dinikmati secara adil oleh rakyat negara. Andalah yang akan menentukan kelangsungan gagasan dan perjuangan negarabangsa di hari muka.

Jatuh bangun maju mundur Negara Malaysia di masa depan adalah tergalas di bahu anda sekalian. Dengan pendidikanlah anda akan dipupuk supaya menjadi barisan warga yang memiliki daya intelek yang berjaya menguasai pengetahuan, bermoral dan berbudaya tinggi serta memiliki kecerdasan fizikal. Seperti yang saya katakan sebelum ini, anda adalah permata yang perlu digilap dan insan yang paling bertanggungjawab untuk menggilap anda ialah para pendidik anda tidak kira sama ada di sekolah ataupun di universiti. Para pendidik inilah yang akan mengasuh dan mencanai anda sehingga menyinar gemerlap. Warga muda seperti anda wajib diperlengkapkan dengan ilmu pengetahuan dan nilai tambah seperti berkemahiran, berketrampilan dan berintegriti serta sayangkan diri, keluarga, bangsa dan negara supaya cukup bersedia membawa negara berhijrah ke era baru, mencipta kemajuan yang lebih gemilang.

Hadirin sekalian,

Sempena majlis ini juga, sebagai sebuah universiti yang cukup berdedikasi dalam memperkasakan pendidikan

anak bangsa, hari ini UniMAP sebagai penyambung kesinambungan Program Melangkah ke Universiti ini, kita akan mengambil terus 198 peserta ini sebagai anak angkat UniMAP. Pelajar-pelajar ini akan diserapkan terus kepada pusat-pusat pengajian mengikut aliran yang diambil disekolah. Ini bermakna mereka akan dipantau oleh pusat pengajian ini. Setiap pusat pengajian akan menggendarikan program sepanjang 2 tahun bermula pada hari ini iaitu 1 Julai 2010 sehingga mereka diterima masuk ke universiti. Saya kira antara program yang akan dilaksanakan adalah **Program Bersama Pusat Pengajian dan sebagainya.**

Ini menunjukkan UniMAP tidak mahu program ini terhenti setakat ini sahaja kerana agenda pendidikan di negeri Perlis bermula dari peringkat sekolah lagi sehingga ke menara gading merupakan keutamaan kewujudan UniMAP di negeri Perlis ini. Sebentar lagi kita akan menyaksikan simbolik penyerahan peserta ini yang akan diserahkan oleh **Pengarah Jabatan Pelajaran Negeri (JPN), kepada UniMAP sambil disaksikan oleh Puan Sri Datin Hajjah Noorainee Abdul Rahman, Naib Yang DiPertua BAKTI.**

Sebelum saya mengakhiri ucapan saya pada petang ini, saya sekali lagi ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada

Naib Yang DiPertua BAKTI iaitu Yang Amat Berbahagia Puan Sri Datin Hajjah Noorainee Abdul Rahman diatas kesudian beliau merasmikan majlis penutup Program Selangkah ke Universiti ini. Saya yakin program yang kita jalankan pada hari ini akan mencapai matlamatnya dan semoga sasaran kita untuk merealisasikan "Satu Rumah Satu Graduan" dan "Satu Rumah Satu Professional" akan mencapai matlamatnya. Saya juga berharap agar program ini dapat diteruskan pada masa akan datang dengan jumlah penyertaan yang lebih ramai. Saya akhiri ucapan saya pada petang ini dengan pantun enam dan juga empat kerat, sama-sama lah kita renungi maksudnya...

Sebagai pendidik bangsa berjaya,
Janganlah kita mudah mengalah,
Amanah dipegang tekad di hati,
Mendidik pewaris Negara tercinta,
Memacu Negara mencipta sejarah,
Sejarah kegembilangan bangsa dicapai.

Tikar dianyam buatan sendiri,
Anyaman dipilih berbentuk bulat,
Anda pewaris pemegang janji,
Membentuk Negara bangsa berdaulat.

Sekian,

Wassalammualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh....